Deklarasi Kedamaian Kuala Lumpur 2019



Dalam kebangkitan kebencian kaum dan agama, kita dikejutkan dengan tindakan keganasan dan pembunuhan di Christchurch New Zealand. Dunia perlu dipertahankan daripada budaya kebencian yang boleh membawa kepada tindakan keganasan. Sesungguhnya sebarang tindakan keganasan itu tidak boleh dikaitkan dengan mana-mana agama dan kaum kerana keganasan tiada beragama dan tidak pula lahir dari mana-mana kaum.

Justeru, **Deklarasi Kedamaian Kuala Lumpur 2019** menyatakan seperti berikut:

1. Mengecam segala tindakan diskriminasi, perlakuan berbentuk keganasan serta pembunuhan atas nama kaum dan agama.

2. Menolak dan mengutuk sebarang tindakan serta budaya kebencian atas nama kaum dan agama.

3. Mendokong segala usaha menghidupkan kedamaian dan menyokong keharmonian antara kaum dan agama.

4. Mempertahankan Perlembagaan Persekutuan serta kedaulatan Negara daripada diancam oleh anasir kebencian atas nama kaum dan agama.

5. Menyokong dan berganding bahu bersama warga dunia dalam usaha membina persekitaran berteraskan keamanan dan kedamaian berpaksikan pengiktirafan kepelbagaian kaum dan agama.

#Solidarity4Peace

23 Mac 2019 I Kuala Lumpur